

## EKOSISTEM TEKNOLOGI *STARTUP* DI KUALA LUMPUR JANA NILAI LEBIH DARIPADA RM220 BILION DALAM TEMPOH 3 TAHUN

*Laporan Ekosistem Startup Global (GSER) 2024 terbaru ini turut menunjukkan kedudukan kukuh Kuala Lumpur di rantau ini dalam pembiayaan, bakat dan pengalaman kerja selepas mencatat lebih daripada USD47 bilion dari Julai 2021 hingga Disember 2023.*

**KUALA LUMPUR, 12 Jun 2024** – Ekosistem *startup* Kuala Lumpur telah mendapat perhatian dalam Laporan Ekosistem Startup Global (GSER) 2024 baru-baru ini di mana bandar ini telah ditempatkan dalam kedudukan 30 terbaik bagi ekosistem membangun. Menurut laporan tersebut, pencapaian ini mencerminkan pertumbuhan Kuala Lumpur yang pesat dan impak ekonomi yang berskala tinggi.

Dari 1 Julai 2021 hingga 31 Disember 2023, Kuala Lumpur telah menjana Nilai Ekosistem lebih daripada RM220 bilion (USD47 bilion). Nilai Ekosistem merupakan kayu ukur bagi impak ekonomi oleh sesebuah bandar melalui nilai peluang keluar (*exit*) dan penilaian *startup*.

“Nilai Ekosistem dan pencapaian Kuala Lumpur ini membuktikan tumpuan negara dalam melabur dan membangunkan ekosistem startup teknologi. Menyedari perkara ini, saya juga ingin mengiktiraf peranan dan impak semua agensi, kementerian, dan organisasi yang terlibat melalui platform Tetingkap Tunggal MYStartup yang baru dilancarkan. Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI) akan terus menerajui usaha ini untuk merealisasikan visi kami dalam menjadikan ekosistem *startup* Malaysia dalam kedudukan 20 terbaik menjelang 2030 seperti yang digariskan dalam Pelan Hala Tuju Ekosistem Startup Malaysia (SUPER) 2021-2030,” kata YB Tuan Chang Lih Kang, Menteri MOSTI.

Cradle Fund Sdn Bhd (Cradle), sebagai agensi fokal bagi ekosistem *startup* Malaysia, menyatakan perasaan bangga tentang pencapaian ini kerana ia adalah bukti usaha dan inisiatif strategik yang dijalankan untuk memupuk persekitaran yang kondusif bagi *startup*. “Malaysia telah mengiktiraf peranan *startup* dalam memacu inovasi tempatan dan kemajuan teknologi. Cradle berusaha untuk menggabungkan sumber dan pengalaman semua pihak berkepentingan dalam ekosistem. Dengan komitmen yang berterusan dalam membentuk sebuah ekosistem yang berprestasi tinggi, inklusif, global, dan mampan, Cradle akan terus berusaha untuk meletakkan Malaysia di barisan hadapan ekosistem *startup* di peringkat global,” kata Norman Matthieu Vanhaecke, Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan Cradle.

Dalam laporan GSER 2024, ekosistem Kuala Lumpur juga telah tersenarai antara kumpulan terbaik dalam beberapa bidang utama di Asia:

- Kedudukan 15 terbaik Ekosistem Asia dalam Pendanaan: Pencapaian ini menggambarkan kapasiti inovasi Kuala Lumpur melalui pendanaan peringkat awal yang kukuh dan penyertaan aktif pelabur.
- Kedudukan 20 terbaik Ekosistem Asia dalam Prestasi: Pencapaian ini mencerminkan saiz dan kejayaan keseluruhan ekosistem, dengan mempertimbangkan nilai kumulatif yang dicipta oleh *startup* teknologi melalui *exit* dan pendanaan.
- Kedudukan 20 terbaik Ekosistem Asia dalam Bakat dan Pengalaman: Kedudukan ini mengiktiraf trend jangka panjang yang kukuh di Kuala Lumpur, menunjukkan kedalaman bakat dan pengalaman dalam ekosistem.
- Kedudukan 25 terbaik Ekosistem Asia dalam akses kepada pemilikan bakat secara kos efektif: Kategori ini mengukur keupayaan Kuala Lumpur dalam menarik bakat teknologi secara kos efektif dan menekankan kelebihan kompetitifnya dalam membina tenaga kerja yang mahir.
- Kedudukan 30 terbaik Ekosistem Asia dalam kategori “*Bang for Buck*”: Kedudukan ini mengukur jumlah *runway* yang diperoleh *startup* teknologi, secara purata, daripada satu pusingan VC.
- Bakat berkualiti dan kemudahan dalam menjalankan perniagaan merupakan antara faktor tarikan bagi *startup* untuk berpindah ke ekosistem ini.

GSER 2024 menganalisis data lebih daripada 4.5 juta *startup* merangkumi 300 ekosistem global serta menyediakan trend global dan panduan dasar kepada lebih 160 kementerian yang melibatkan ekonomi dan inovasi serta agensi awam serta swasta di lebih 55 negara.

Untuk memuat turun laporan Startup Genome 2024, sila layari <https://startupgenome.com/report/gser2024>.

## TAMAT

### Mengenai Cradle

**Cradle Fund Sdn. Bhd. (Cradle)** ialah agensi fokal untuk ekosistem startup Malaysia yang diperbadankan di bawah Kementerian Kewangan Malaysia (MOF) pada tahun 2003 dengan seliaan Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI). Cradle menyumbangkan kadar pengkomersialan tertinggi dalam kalangan geran kerajaan dengan lebih daripada 1,000 *startup* teknologi dibiayai. Cradle kini menawarkan dua geran baharu iaitu CIP Spark dan CIP Sprint, serta menyasarkan pembangunan idea dan pengkomersialan *startup* teknologi. Cradle juga merupakan peneraju utama bagi Pelan Hala Tuju Ekosistem Startup Malaysia (SUPER) 2021-

2030, inisiatif MYStartup dan Angel Tax Incentive (ATIO). Produk yang ditawarkan oleh Cradle tidak hanya terhad kepada bantuan kewangan sahaja, tetapi juga termasuk sokongan pengkomersialan, bimbingan dan pelbagai perkhidmatan nilai tambah untuk memenuhi keperluan pelbagai usahawan masa kini. Visi dan misi Cradle selaras dengan aspirasi MOSTI iaitu untuk mewujudkan 5,000 *startup* menjelang 2025, melahirkan 10,000 pengekod dan menjadikan Malaysia antara 20 ekosistem *startup* terbaik dunia menjelang 2030.

Untuk maklumat lanjut mengenai Cradle, sila layari [www.cradle.com.my](http://www.cradle.com.my).

## Mengenai SUPER 2021-2030

**Pelan Hala Tuju Ekosistem Startup Malaysia (SUPER) 2021 – 2030** adalah rangka kerja yang diperkenalkan oleh Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI) untuk menyelaras dasar dan inisiatif teknologi, inovasi dan keusahawanan. Pejabat Pengurusan Projek (PMO) SUPER kini menerajui rangka kerja di bawah Cradle Fund Sdn. Bhd. (Cradle). Pelaksanaan SUPER melibatkan pelbagai badan kerajaan utama daripada pelbagai kementerian. SUPER telah mengenal pasti dan menstrukturkan 16 intervensi berbeza yang diselaraskan secara strategik melalui lima penjana ekosistem utama: pembentukan, bakat, dasar dan peraturan, inovasi dan ekosistem pasaran. Rangka kerja ini selaras dengan matlamat MOSTI dalam mewujudkan 5,000 *startup* menjelang 2025, melahirkan 10,000 pengekod dan menjadikan Malaysia antara 20 ekosistem *startup* terbaik menjelang 2030.

Untuk maklumat lanjut, layari [www.cradle.com.my/super](http://www.cradle.com.my/super).

## Mengenai MYStartup

**MYStartup** ialah inisiatif nasional yang dimulakan oleh Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI) dan diterajui oleh Cradle. Ditubuhkan pada tahun 2021, MYStartup adalah tetingkap tunggal kepada ekosistem startup Malaysia, menawarkan platform yang membina pertumbuhan yang inklusif dan mampan untuk pengasas, pelabur, dan bakat teknologi. Sejajar dengan matlamat negara untuk menjadi Pusat Kecemerlangan ASEAN menjelang 2030, MYStartup memupuk ekosistem ini melalui program pembangunan kapasiti, termasuk hackathon, pemecut (accelerator), prapemecut (pre-accelerator) dan bootcamp. MYStartup merupakan sebahagian daripada Pelan Hala Tuju Ekosistem Startup Malaysia (SUPER) yang telah diberi mandat untuk memastikan bahawa inisiatif oleh MYStartup memberi manfaat kepada ekosistem startup secara keseluruhan. Usaha ini juga sejajar dengan sasaran MOSTI untuk mewujudkan 5,000 *startup* menjelang 2025 dan melahirkan 10,000 pengekod menjelang 2030.

Untuk maklumat lanjut, layari [www.mystartup.gov.my](http://www.mystartup.gov.my).

**Dikeluarkan oleh:**

Komunikasi Strategik  
Cradle Fund Sdn Bhd  
Level 20, Sunway Putra Tower  
100 Jalan Putra  
50350 Kuala Lumpur

**Untuk pertanyaan, sila hubungi:**

Elmy Fairuz Azmi - [elmy@cradle.com.my](mailto:elmy@cradle.com.my) (+6012-271 3457)

[KIT MEDIA](#)